

CNS7430

U GB 06-02 00171 BA387

BAH

Mahathir - Raja

PERDANA MENTERI SAMBUT BAIK KENYATAAN SULTAN PAHANG

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyambut baik kenyataan Sultan Pahang bahawa isu pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi menghadkan imuniti raja boleh diselesaikan pada mesyuarat Majlis Raja-raja minggu depan.

"Kita alu-alukan penyelesaian, + kata Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi parti itu, di sini.

Dalam ucapan spontan selepas solat fardu Jumaat di Masjid FELDA Sungai Kluang di Raub semalam, Sultan Pahang melahirkan keyakinan yang "konfrantasi" antara raja dan kerajaan boleh diselesaikan pada mesyuarat pada 10 Feb dan 11 Feb itu yang akan dipengerusikan baginda sendiri.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak dapat menghadiri mesyuarat Majlis Raja-raja itu kerana perlu berada bersama-sama Perdana Menteri Mauritius, Sir Anerood Jugnauth yang melawat Malaysia ketika itu.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri, Enok Ghafar Baba, yang juga Timbalan Presiden UMNO, akan menghadiri mesyuarat yang akan diadakan di Istana Negara. -- Lagi.

06/02/14-25MST

Mahathir - Raja 2 Kuala Lumpur

Ketika menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, setakat ini tidak ada permintaan daripada Raja-raja untuk mengadakan rundingan.

"Tetapi, pendirian kita dah jelas bahawa kita berpegang kepada undang-undang yang telah kita luluskan," katanya.

Pindaan itu yang diluluskan Dewan Rakyat pada 19 Jan dan Dewan Negara keesokannya kini menunggu perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Presiden UMNO itu berkata, Majlis Tertinggi yang membincangkan secara umum mengenai pindaan perlembagaan itu mendapati tiada perkembangan yang "bermakna".

"...pada pandangan kita, akhirnya undang-undang ini akan diluluskan," katanya, sambil menambah kata mesyuarat juga membincangkan kesan daripada undang-undang itu dan berpuas hati terhadap pencapaian setakat ini. -- Lagi.

▼06/02/14-32MST

CNS7456

U GB 06-02 00120 BA391

BAH

Mahathir - Raja 3 Kuala Lumpur

Ketika menjawab soalan, Dr Mahathir menolak tanggapan kononnya isu itu telah memecahbelahkan lagi orang Melayu.

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak fikir begitu. Orang Melayu telah berpecahbelah bukan kerana isu ini tetapi kerana mereka daripada parti politik yang berbeza.

"Sudah tentu parti pembangkang merebut peluang bersabit masalah ini demi untuk mengukuhkan lagi kedudukan mereka.

"Oleh itu, jika adapun konfrontasi antara kumpulan orang Melayu ia adalah konfrontasi lama yang sama iaitu antara parti kerajaan dan parti pembangkang, + tambahannya.

Perdana Menteri berkata, walaupun anggota kerabat diraja termasuk anak-anak raja mempunyai hak untuk campurtangan dalam politik, tindakan itu akan mempunyai kesan ke atas peribadi mereka. -- Lagi.

▼06/02/15-15MST

CNS7461

U GB 06-02 00131 BA392

BAH

Mahathir - Raja 4 Kuala Lumpur

"Mereka juga rakyat. Anak raja tidak mempunyai status lebih daripada rakyat, kalau dia hendak bertindak kita tidak melarang.

"Kalau dia campurtangan dalam politik, itu hak dia tapi ia akan mempunyai kesan kepada peribadi mereka. Kalau mereka mula kempen, kita akan kempen lawan dia," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menegaskan sekali kali pendirian kerajaan untuk mengekalkan sistem raja berperlembagaan.

"Selagi kerajaan ini berkuasa, kami akan memastikan bahawa sistem raja berperlembagaan akan terus kekal.

"Kita hanya boleh memberikan jaminan berdasarkan kemampuan kita untuk meneruskan sistem itu tetapi kita tidak dapat memberi jaminan bagi mana-mana kerajaan pada masa depan yang bukan terdiri daripada parti kita.

"Parti kita komited kepada sistem raja berperlembagaan," katanya. -- Lagi.

CNS7472

U 66 06-02 00118 BA393

BAH

Mahathir - Raja 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata bahawa Yang di-Pertuan Agong akan terus dimaklumkan mengenai keputusan-keputusan kabinet walaupun terdapat tindakan baru-baru ini untuk menghentikan taklimat pra-kabinet kepada Seri Paduka.

"Yang di-Pertuan Agong sentiasa dimaklumkan sepenuhnya mengenai perkara-perkara yang dibincangkan Kabinet dengan diberikan salinan semua perkara yang dibincangkan kabinet. Amalan ini diteruskan.

"Yang di-Pertuan Agong tidak akan jahil mengenai apa yang dibincangkan kerajaan atau apa yang kerajaan akan putuskan. Keperluan untuk mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri ialah suatu tradisi.

"Sekiranya Yang di-Pertuan Agong benar-benar perlu membincangkan sesuatu maka sudah pasti Seri Paduka boleh memanggil saya menghadapnya dan saya akan menghadapnya," tambah Dr Mahathir. -- Bernama.

06/02/15-38MST